

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1993/94

Okttober/November 1993

HMT 201 - Tinjauan Nahu Melayu Tradisional

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI SEPULUH [10] SOALAN DI DALAM EMPAT [4] MUKA SURAT.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

- Tulis nombor 1 hingga 10 secara berurutan di muka hadapan kertas jawapan sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak.
- Tulisan mestilah mudah dibaca. Tulisan yang sukar dibaca akan mengurangi markah isi.
- Jawapan mestilah ringkas, tepat dengan aliran fikiran yang jelas.
- Pengabaian Bahasa Melayu Tinggi mengurangi markah keseluruhan.

1. Perhatikan Bahasa Melayu Ejaan Itali yang berikut ini:

misghit (masjid), anach (anak)  
catip (khatib), capala (kepala)

(Darwis Harahap, 1992: 27)

Data ini memperlihatkan bahawa huruf c mengandungi bunyi yang tidak tetap. Mengapakah berlaku demikian? Huraikan.

2. R.O. Winsted di dalam bukunya Malay Grammar (1962) memberi peraturan: "Apabila kata dasar bermula dengan huruf p kemudian diimbuhkan awalan me+m+ maka p dilienyapkan".

Contoh: me + m + palu --> memalu

R.O. Winsted kemudian memberi keterangan: "Tetapi ini tidak berkaitan kepada kata dasar kedua yang bermula dengan imbuhan awalan per+".

Contoh: memperisterikan tidak memeristerikan.

Bagaimana halnya dengan binaan berikut ini:

me + m + perhatikan --> memperhatikan atau  
memerhatikan

Pilih binaan yang betul dan berikan hujah mengenainya.

3. Haji Md. Said Haji Suleiman di dalam bukunya Penokok dan Penambah dalam Bahasa Melayu (1992) mengemukakan satu konsep yang dinamainya Pelembor dan Penambah. Perhatikan contoh yang berikut ini:

dibuatikannya

Perincikan satu-persatu pelembor dan penambah pada data di atas dan jelaskan makna pelembor dan penambah di dalam pengertian nahu sekarang ini.

4. Senarai perkataan Bahasa China di dalam Bahasa Melayu Melaka (1403-1511), banyak sekali ditemui kesalahan yang dilakukan oleh si penyalin. Perhatikan data yang berikut ini:

an la (Allah, hari)	li an yin (ribut angin)
ha li (hari, matahari)	chi lau (kilat)
te tou (tedoh)	pu ti (betik)
ko lan (kelam)	li kan (ikan)
hai tan (hitam)	sa lu (rusa)

Nyatakan beberapa sebab berlakunya kesalahan penyalinan tersebut.

5. J.J. Hollander di dalam bukunya Pedoman Bahasa dan Sastra Melayu (1850; 1984) berpendapat bahawa akhiran +ti serupa dengan akhiran +kan.

Contoh: ceritai = ceritakan  
bukai = bukakan  
anugerahi = anugerahkan

Sama ada anda setuju atau tidak dengan Hollander, sila kemukakan pendapat anda dengan contoh ayat yang sesuai berdasarkan perkataan yang terdapat pada data di atas.

6. John Crawford di dalam bukunya A Grammar and Dictionary of the Malay Language (1852) mengemukakan perbandingan Bahasa Jawa dan Bahasa Melayu.

<u>Contoh:</u>	asih/kasih	lalar/lalat
	garaji/gergaji	pari/padi
	kampak/kapak	pusar/pusat
	kebo/kerbau	juwit/cubit
	sikut/siku	mangan/makan

Menurut pendapat anda bahasa manakah yang mempengaruhi bahasa yang lain di dalam kedua-dua bahasa di atas. Berikan alasannya.

7. Raja Haji Ali di dalam bukunya Bustanul Katibin dan Kitab Pengetahuan Bahasa memperlihatkan susunan ayatnya dipengaruhi oleh Bahasa Arab. Sila ubah kelompok kata berikut ini berdasarkan struktur Bahasa Melayu Tinggi.

- (a) dengan dikau
- (b) sepuluh daripada dirham
- (c) daripada dahulu
- (d) kepada negeri Kufah
- (e) makan aku akan ikan
- (f) aku makan adanya
- (g) air pada cerek
- (h) adalah di Zaid sedang berdiri
- (i) tiada ada
- (j) memukul si Zahid akan si Omar

8. Muhammad Ibrahim Munshi di dalam bukunya Kitab Pemimpin Johor (1878) mengatakan: "Bahasa ialah bunyi percakapan yang dilahirkan daripada fikiran dan hati melalui mulut".

Apakah maksud takrifan di atas?

9. D. Gerth van Wijk di dalam bukunya Tata Bahasa Melayu (1889) berpendapat: "Kopula ialah tanda bagi Predikat atau yang menghubungkan Subjek dan Predikat".

Berikan satu contoh ayat yang di dalamnya terdapat kopula dan kemukakan pendirian anda terhadap kopula di dalam Bahasa Melayu Tinggi.

10. C. Spat di dalam bukunya Bahasa Melayu: Tata Bahasa Selayang Pandang (1929; 1989) mengemukakan takrifan: "Kalimat (ayat) lengkap yang paling singkat terdiri atas dua kata saja; iaitu pokok (subjek) dan sebutan (predikat).

Kemukakan 5 contoh ayat yang sesuai dengan takrifan di atas. Beri penjelasan secara umum.

-ooooO00oooo-